


Pentas asah **bakat teater**

Minat mendalam dalam dunia lakonan berjaya mengumpulkan 70 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah satu bumbung menerusi Kelab Penggiat Teater Sejagat (Pentas).

Kelab yang dinaungi Presiden, Mohamad Azwan Azhari itu menyediakan peluang kepada ahli menonjolkan bakat masing-masing dalam pelbagai persembahan teater sama ada di dalam mahupun di luar kampus.

Mohamad Azwan berkata, sejak menyertai Pentas empat tahun lalu, banyak ilmu berkaitan lakonan diperoleh selain peluang mengasah bakat kepimpinan menerusi aktiviti penganjuran acara terutama memabitkan persembahan amal.

Mengakui masih 'hijau' dalam arena teater, Mohamad Azwan yang juga pelajar Bachelor Pertanian (Sains Ternakan) berkata, pengalaman menyertai Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan melakukan beberapa persembahan



Ahli Pentas menjayakan **teater Opera 3 Kupang**.

han memberi pendedahan yang berguna kepada setiap ahli.

Persembahan amal

"Antara persembahan amal yang pernah dilaksanakan ialah Untukmu Palestin dan Untukmu Somalia pada tahun 2012, diikuti Pementasan Delaila yang berjaya meraih RM3,000 untuk Dana Palestin, manakala Opera 3 Kupang dengan dana terkumpul RM5,200.

"Alhamdulillah, kejayaan

pementasan sebelum ini berjaya mencapai matlamat dan kami akan meneruskan usaha murni ini dalam membantu golongan yang memerlukan

"Terbaharu, kami dalam persiapan menjayakan persembahan Pentas Care dengan kerjasama 1M4U di Panggung Percubaan UPM bagi mengumpul dana untuk pengidap kanser," katanya ketika ditemui di Astaka Seni, UPM, di sini baru-baru ini.

Berkongsi pengalamannya dalam teater, beliau mengakui agak gugup ketika kali pertama beraksi di pentas apatah lagi berdepan dengan penonton yang ramai, namun perasaan itu hilang apabila mula serasi menjiwai watak yang dipegang.

"Penyertaan pelajar dalam teater menaikkan keyakinan diri, selain mengajar menguasai olahan tubuh



Aksi ahli kelab ketika **sesi latihan teater**.

untuk stamina serta penghayatan watak bagi menghasilkan lakonan yang mantap.

"Bukan mudah untuk menghayati watak justeru sebelum memilih barisan

pelakon, kami akan mengadakan uji bakat terlebih dulu bagi mencari ahli yang benar-benar berbakat," katanya.

